# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# KHAMIS 6 APRIL 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2. | STOK BERAS NEGARA STABIL, MENCUKUPI, NEGARA, KOSMO -5<br>OVER 100 BOXES OF VEGETABLES GIVEN TO MPs FOR FREE, NATION, CHINA PRESS -A5 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 3.<br>4. | DUA BOT NELAYAN VIETNAM DITAHAN TANGKAP IKAN DI TERENGGANU, DALAM NEGERI, UM -31<br>FISHERIES DEPT DENIES CLAIMS TILAPIA CAN CAUSE CANCER, NEWS, MAKKAL OSAI -3 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 5. | SISA NANAS PENGGANTI HABUK KAYU BUAT BONGKAH CENDAWAN, NEGARA, KOSMO -15 | LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM) |
| 6. | AGROBANK LANCAR KEMPEN JOM MENANG DUIT RAYA, BISNES, HM -31 | AGROBANK |
| 7. | HENTI SEMENTARA EKSPORT IKAN ELAK HARGA NAIK DRASTIK, DALAM NEGERI, UM -30 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/4/2023 | KOSMO | NEGARA | 5 |

# Stok beras negara stabil, mencukupi

**KUALA LUMPUR** – Status kedudukan stok beras negara adalah stabil dan mencukupi pada masa ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Chan Foong Hin berkata, melalui pelaksanaan usaha dan inisiatif yang dilakukan, diharap pengeluaran padi dapat ditingkatkan seterusnya menjamin bekalan makanan berterusan.

"Ini terbukti, pada tahun 2020 semasa berdepan penularan wabak Covid-19 serta sekatan eksport oleh negara pengeksport, bekalan negara tidak terputus disebabkan oleh pendekatan dan dasar yang dilaksanakan kerajaan," katanya di Dewan Negara di sini semalam.

Beliau menjawab pertanyaan Senator Datuk Noraini Idris berhubung tahap kemampanan bekalan beras tempatan menjelang 2025 bagi menampung keperluan negara, mengambil kira kebarangkalian berlaku kegawatan ekonomi global.

Foong Hin berkata, keperluan beras dalam negara pada masa ini dipenuhi oleh 70 peratus pengeluaran tempatan, manakala selebihnya ditampung melalui kemasukan beras import.

Katanya, dalam mendepani cabaran termasuk kegawatan ekonomi global, antara usaha bagi memastikan keterjaminan bekalan makanan adalah memperluas pelaksanaan program Smart Sawah Berskala Besar.



**PENGELUARAN padi negara menyumbang sebanyak 30 peratus keperluan makanan negara.** – GAMBAR HIASAN

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Over 100 boxes of vegetables given to MPs for free | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 06 Apr 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A5 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 269 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,306 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 15,919 |





■何子扬（左4）移交金马仑农业备忘录予陈泓缣及南利；左是陈宝进、罗良丰（左3起）、黄文源及东姑祖布里（右2）。

# 逾百盒蔬菜送國會職員

## 金馬崙農民盼關注困境

（金马仑5日讯）一班来自金马仑的热心农民发挥"守望相助，同舟共济"的精神，今早11时载送超过100盒、重达2吨的各类新鲜蔬菜到国会，免费派发给国会职员，也希望政府及更多国会议员关注金马仑的农业困境。

行动党丹那拉打州议员何子扬，与一班农民随后移交金马仑农业备忘录予农业及粮食安全部副部长陈泓缣，及上议员南利，呼吁联邦政府关注及协助解决金马仑农民面临的各种问题。

何子扬表示，彭亨州政府自2020年起发出农地租约给当地农民，代替原有的土地临时准证（TOL），从本来每年约800令吉的涨至每英亩4500令吉，然而租金却涨价至近500%，大幅度推高农业成本，让许多金马仑农民大喊吃不消，部分小农民更是难以为继。

此外，何子扬指出，彭亨州政府自2020年起给予金马仑农民3+2年的农地租约，然而期限太短无法给予农民土地保障，让农民难以安心耕种，更遑论推动农业现代化及永续农业。

"高昂的金马仑农地租金以及缺乏土地保障，让许多农民无法安心耕种，也为了避免承担突如其来的风险，无法付出更多时间和金钱作投资及产业升级。"

### 發展會停滯不前

"长远而言，金马仑农业发展只会停滞不前，而政府欲推动农业现代化及产业升级，同时提高粮食安全与粮食自供自足率的努力恐怕难以实现。"

同时，何子扬亦指出，其他金马仑农民面临的问题，当中包括农作物价格漂浮不定，及涨数百巴仙的农业生产成本（如肥料及农药），希望获得政府及相关部门的关注及解决。

在场者包括行动党直冷甲支部主席罗良丰、碧兰章新市镇支部主席黄文源、劳务都赖区州议员东姑祖布里，及南利特别事务官骆永顺等人。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/4/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 31 |



**SALAH** sebuah bot nelayan Vietnam yang ditahan ketika menangkap ikan di perairan negara dekat Kuala Terengganu, semalam.

# Dua bot nelayan Vietnam ditahan tangkap ikan di Terengganu

**KUALA TERENGGANU:** Maritim negeri menahan dua buah bot nelayan Vietnam yang menangkap ikan di perairan Terengganu di sini semalam.

Pengarah Maritim Terengganu, Kepten (M) Mohd. Khairulanuar Abd. Majid berkata, kedua-dua buah bot itu ditahan pada jarak 133 dan 134 batu nautika dari timur laut Kuala Terengganu.

Menurut beliau, hasil rampasan membabitkan dua buah bot dan peralatan menangkap ikan termasuk diesel yang semuanya dianggarkan berjumlah RM3 juta selain turut menahan 17 kru dan tekong warga Vietnam.

"Ketika Op Naga Barat dan Op Kuda Laut, kita mengesan kedua-dua buah bot tersebut sedang menangkap ikan dalam perairan negara.

"Ketika dihampiri, mereka melarikan diri dengan keluar dari perairan negara namun tindakan pantas kapal Maritim memintas bot tersebut berjaya mematahkan usaha itu.

"Pemeriksaan mendapati tekong gagal mengemukakan dokumen lesen yang sah manakala kru berusia 19 sehingga 59 tahun turut ditahan," katanya dalam kenyataan semalam.

Mohd. Khairulanuar berkata, kes disiasat di bawah Akta Perikanan 1985 kerana tidak memiliki permit menangkap hasil laut serta disiasat di bawah Akta Imigresen 1959/63 atas kesalahan tiada dokumen pengenalan diri yang sah.

Katanya, semua kru termasuk tekong dibawa ke Maritim Negeri Terengganu untuk tindakan lanjut.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Fisheries Dept denies claims tilapia can cause cancer | | |
| MediaTitle | Makkal Osai | | |
| Date | 06 Apr 2023 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 28,000 |
| Page No | 3 | Readership | 180,000 |
| Language | Tamil | ArticleSize | 220 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,440 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,320 |



### திலாப்பியா மீன் சாப்பிட்டால் புற்றுநோய் வருமா?

# பொய்ச் செய்தி

## மீன்வளத்துறை விளக்கம்

கோலாலம்பூர், ஏப். 6-

திலாப்பியா மீன் உண்பதற்குப் பாதுகாப்பானது அல்ல எனவும் அதனால் புற்றுநோய் பரவும் எனவும் சமூக வலைத்தளங்களில் வைரலாகியிருக்கும் தகவலை மீன்வளத்துறை நேற்று மறுத்தது.

வாட்ஸ்அப் மூலம் இந்தப் பொய்த் தகவல் பரவி இருப்பதாக அத்துறையின் அறிக்கை கூறியது. திலாப்பியா மீன் சாப்பிட்டால் புற்றுநோய் பரவும் என்று ஒரு சுவரொட்டி மூலம் எச்சரிக்கை விடுக்கப்பட்டிருப்பதில் உண்மை இல்லை என்று மீன்வளத்துறை கூறியது.

அந்த மீனை விரும்பிச் சாப்பிடுவோரைப் பயமுறுத்துவதற்கு பொறுப்பற்றத் தரப்பினர் இந்தப் பொய்ச் செய்தியைப் பரப்பி இருக்கின்றனர்.

மலேசிய மக்கள் திலாப்பியா மீனை அயரை மீன்போல் விரும்பிச் சாப்பிடுகின்றனர். ஆனால் திலாப்பியா மீனைச் சாப்பிட்டால் அது புற்றுநோய் போன்ற நோய்களை ஏற்படுத்தும் என்று சில தரப்பினர் பொய்ச் செய்திகளைப் பரப்பி விட்டிருக்கின்றனர் என்று அது கூறியது.

திலாப்பியா மீன் முள் இல்லாத மீன் எனவும் தோல் இல்லாத மீன் எனவும் கூறப்படுவதிலும் உண்மை இல்லை. ஏனெனில் பிரேசில் போன்ற நாடுகள் திலாப்பியா மீனின்



தோல் மூலம் பணப்பையைத் தயாரிக்கின்றன. கயிறு, காலணி போன்ற பொருட்களும் இந்த மீனின் தோலால் தயாரிக்கப்படுவதாக அது கூறியது.

மீன்களில் இருந்து தயாரிக்கப்படும் உணவுகளைக்கொண்டுதான் இந்தத் திலாப்பியா மீன்கள் வளர்க்கப்படுகின்றன. சோயா, சோளம் போன்றவையும் இந்த மீன்களுக்கான உணவாகப் பயன்படுத்தப்படுகின்றன.

நார்வே அதிகாரிகள் தரப்பும் ஐரோப்பிய மண்டலமும் இதற்கு அங்கீகாரம் அளித்திருப்பது குறிப்பிடத்தக்கது.

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/4/2023 | KOSMO | NEGARA | 15 |

# Sisa nanas pengganti habuk kayu buat bongkah cendawan

**PONTIAN** – Penggunaan sisa nanas sebagai medium bongkah cendawan telah berjaya menjimatkan kos pembuatannya sebanyak 50 peratus berbanding menggunakan habuk kayu getah.

Pengusaha Cendawan Saifulam Agro Farm, Noor Saiful Amri Suloh berkata, inovasi yang diperkenalkan sejak dua tahun lalu dengan kerjasama Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LNPM) banyak memberikan manfaat kepada pengusaha cendawan sepertinya.

Katanya, kesukaran bagi mendapatkan habuk kayu getah ketika ini telah mendorongnya membuat inovasi dimana sebelum ini telah menggunakan buluh, hampas soya dan sisa kelapa sawit bagi menanam cendawan.

Bagaimanapun jelasnya, kualiti cendawan yang dihasilkan tidak begitu baik sepertimana penggunaan habuk kayu getah yang menjadi medium penting kepada pengusaha tanaman cendawan

"Disebabkan kesukaran mendapat habuk kayu getah, mendorong saya untuk membuat inovasi dengan kerjasama LPNM yang mempunyai kepakaran dan peralatan yang mencukupi.

"Tiga ujian makmal yang dilakukan mendapati medium cendawan dari sisa nanas boleh menghasilkan cendawan bermutu tinggi berbanding habuk kayu getah," katanya ketika ditemui di Kampung Parit Hassan, Benut, disini.




**NOOR SAIFUL menunjukkan bongkah cendawan menggunakan sisa nanas di Pontian.**

Noor Saiful Amri yang berpengalaman mengusahakan tanaman cendawan sejak 25 tahun lalu menyifatkan sisa nanas juga mesra alam dan memberikan nilai tambah kerana mudah diperolehi di Johor.

> Namun disebabkan kesukaran mendapat habuk kayu getah, mendorong saya untuk membuat inovasi dengan kerjasama LPNM yang mempunyai kepakaran dan peralatan yang mencukupi."

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/4/2023 | HARIAN METRO | BISNES | 31 |

# Agrobank lancar Kempen Jom Menang Duit Raya

**Kuala Lumpur:** Bersempena Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri 2023, Agrobank melancarkan Kempen Jom Menang Duit Raya yang mengetengahkan konsep 'Biaya, Belanja & Berlindung' dengan aktiviti cabutan bertuah melalui produk takaful, pembayaran dalam talian dan pembiayaan peribadi.

Presiden/Ketua Pengawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, kempen berlangsung sehingga 10 Jun 2023 ini terbuka kepada semua pelanggan Agrobank, yang baharu mahupun sedia ada.

"Sasaran kempen ini adalah untuk meringankan beban pembiayaan pelanggan dalam persiapan perayaan serta untuk melindungi pelanggan kami dengan produk-produk takaful yang ditawarkan," katanya dalam kenyataan.

Menurutnya, di bawah Kempen ini, pelanggan Agrobank berpeluang untuk menyertai cabutan bertuah dengan permohonan produk Pembiayaan Peribadi AgroCash-i, membuat transaksi secara atas talian melalui QR Pay, FPX, Jompay, DuitNow dan kad debit, serta melanggan produk-produk takaful kemalangan diri seperti Takaful Kasih Plus, Agro Nurani dan Agro Madani.

> "Kempen ini adalah untuk ringankan beban pembiayaan pelanggan
> Tengku Ahmad Badli

Seramai 50 pelanggan bertuah berpeluang memenangi hadiah wang tunai bernilai RM1,000 yang membawa jumlah keseluruhan hadiah berjumlah RM50,000 untuk dimenangi.

Selain itu, seramai 1,000 pelanggan yang memohon pembiayaan peribadi Agrocash-i akan membawa pulang Payung Eksklusif Agrobank bagi setiap permohonan yang diluluskan.

Dalam pada itu, Tengku Ahmad Badli Shah juga mengumumkan bahawa Agrobank meluluskan surat tawaran pembiayaan berjumlah RM500,000 kepada golongan peniaga kecil bersempena dengan Kempen Bazaar Ramadan 2023 dilancarkan baru-baru ini.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/4/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 30 |

# Henti sementara eksport ikan elak harga naik drastik

**Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA**
shofi.isa@mediamulia.com.my

**KUANTAN:** Yayasan Pengguna Negara Malaysia (YPNM) meminta kerajaan menghentikan sementara aktiviti mengeksport hasil laut ke terutama ikan bagi mengelak kenaikan harga mendadak berikutan kekurangan bekalan tempatan.

Kekurangan sumber bekalan pada masa ini menyebabkan rakyat terpaksa menanggung kenaikan mendadak harga ikan di pasaran.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden YPNM, Datuk Mohd. Firdaus Abdullah berkata, ia perlu dihentikan kerana hasil laut berkualiti contohnya ikan, sotong, ketam, udang gred A dan B di eksport manakala gred C serta D dijual di pasaran tempatan.

Beliau berkata, pengeksportan hasil laut gred A dan B ini menjurus kepada kekurangan bekalan di pasaran tempatan sekali gus menyebabkan harganya naik mendadak.

"Kenaikan harga ikan berikutan krisis bekalan menyebabkan kehidupan rakyat pada ketika ini semakin tertekan pada bulan Ramadan ini dan menjelang Hari Raya Aidilfitri sekali gus meningkatkan kos sara hidup.

"Berdasarkan tinjauan dibuat, kami mendapati harga ikan seperti kembung meningkat sehingga mencecah RM20 sekilogram. Kerisi kasar RM20 sekilogram, ikan selar RM19 sekilogram.

"Selain ikan, udang juga mahal sehingga RM46 sekilogram, sotong gred C RM42 sekilogram dan sotong jarum RM35 sekilogram. Peningkatan harga ini semestinya membebankan dan meningkatkan kos perbelanjaan rakyat," katanya di sini semalam.

Mengulas lanjut, Mohd. Firdaus berkata, kerajaan memberikan subsidi bahan api dan pelbagai inisiatif kepada pengusaha-pengusaha bot dan nelayan untuk pengguna mendapatkan hasil laut yang berkualiti serta harga berpatutan.

Malangnya beliau berkata, subsidi dan inisiatif yang diberikan serta sepatutnya dinikmati oleh rakyat Malaysia tetapi digunakan untuk kesenangan rakyat negara luar yang mengimport hasil laut negara.

"Hasil laut gred A dan B di pasaran begitu kurang. Yang ada hanya gred C dan D dengan harga yang tinggi dan menjadi satu tamparan kepada pengguna," katanya.

Menurutnya, di Pantai Timur sebagai contoh, ikan berkurangan kerana bekalan sumber protein ini pada gred terbaik setiap hari dihantar ke negara jiran. "Ini bukan dakwaan tetapi kita dapat maklumat daripada nelayan sendiri.